

04/07/2002

Tidak jadi menteri kanan (HL)

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan memegang sebarang jawatan dalam parti dan kerajaan apabila bersara mulai Oktober tahun depan walaupun ada yang mengharapkan beliau menjadi menteri kanan.

Perdana Menteri menegaskan, apabila tiba tempoh itu, beliau akan melepaskan semua jawatannya kecuali sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu serta terus menyokong parti dan kerajaan.

"Saya tidak mengharapka untuk memegang apa-apa jawatan sama ada dalam parti atau kerajaan. Tetapi menjadi tanggungjawab saya untuk menyokong parti dan kerajaan.

"Walau apa saja yang saya mungkin fikirkan mengenai dasar kerajaan (ketika itu), ia tidak relevan. Saya percaya kepada (prinsip) memberi sokongan kepada kepimpinan," katanya pada sidang akhbar sebaik tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri, yang tenang sepanjang sidang akhbar itu, ditanya sama ada akan mengikut jejak langkah Lee Kuan Yew yang dilantik sebagai menteri kanan dan terus memainkan peranan penting dalam kerajaan Singapura selepas bersara daripada jawatan perdana menteri pada 1990.

"Saya sudah menyatakan dengan amat jelas bahawa apabila saya melepas jawatan itu nanti, saya akan lepaskannya sama sekali," katanya.

Sebelum ini, ramai berpendapat kemungkinan Dr Mahathir, yang mengejutkan seluruh negara apabila mengumumkan peletakan jawatan dalam parti dan kerajaan 22 Jun lalu, akan dilantik sebagai Menteri Kanan seperti Lee.

Lee terus mengekalkan fungsi berpengaruh di Singapura walaupun Perdana Menteri, Goh Chok Tong menjalankan urusan kerajaan republik itu.

Dr Mahathir, 76, yang memakai kot biru tua kelihatan ceria dan kadangkala berseloroh walaupun sekali-sekala nampak sedih, ketika menjawab pelbagai soalan wartawan pada sidang akhbar yang disiarkan secara langsung oleh TV1 itu.

Selepas sidang akhbar selama 19 minit di bilik khas terminal pangkalan TUDM itu, Perdana Menteri berucap tujuh minit di depan kira-kira 10,000 orang, mewakili pelbagai lapisan masyarakat termasuk penyokong Barisan Nasional (BN) dan pelajar di kawasan letak kereta di situ.

Mengenai pengumuman mengejut peletakan jawatannya pada akhir perhimpunan agung Umno pada 22 Jun lalu, Dr Mahathir mengakui mahu meneruskan ucapan penggulungannya dengan penjelasan lebih lanjut.

"Saya sebenarnya tak dapat nak habiskan kenyataan yang saya buat itu. Tujuan saya ialah mahu melepaskan semua jawatan dalam Umno, juga daripada BN. Tetapi saya nak terus jadi wakil rakyat Kubang Pasu. Saya juga nak buat kenyataan saya nak letak jawatan dalam kerajaan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan lain-lain jawatan yang saya pegang.

"Tetapi saya akan terus bekerja dalam Umno untuk memperkukuhkan Umno. Itulah kenyataan yang saya cadang untuk buat, yang saya tak dapat nak buat," katanya.

Presiden Umno itu tidak dapat meneruskan ucapannya pada 22 Jun lalu kerana sebak dan selepas itu, dikerumuni ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno di pentas Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Bagaimanapun, apabila bertemu dengan jawatankuasa pengurusan Umno di Seri Perdana keesokannya (23 Jun) sebelum berlepas ke Itali, Dr Mahathir memutuskan untuk meletak jawatan selepas sidang puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober 2003.

Ketika ditanya mengapa beliau menangis ketika mengumumkan keputusan

untuk meletak jawatan pada perhimpunan agung Umno itu, Dr Mahathir berkata perpisahan selalunya sesuatu yang menyedihkan.

"Setelah bersama-sama parti selama 21 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti, dan setelah membabitkan diri selama tiga suku daripada usia saya dengan parti, sememangnya agak menyedihkan saya terpaksa membuat keputusan ini.

"Lagi pun bila dah tua ni, kita jadi lebih beremosi sikit," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan, beliau mengumumkan secara terbuka keputusan untuk melepaskan jawatan dalam kerajaan dan Umno bagi mengelak desakan supaya terus menerajui negara dan parti.

Katanya, beberapa pemimpin yang pernah diberitahu mengenai hasratnya untuk berhenti seperti Abdullah dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, meminta supaya beliau terus memegang jawatan berkenaan.

"Saya sudah bercakap dengan beberapa pemimpin dan kawan-kawan saya mengenai hasrat saya untuk berhenti, bahkan saya bercakap dengan Khalil dan Pak Lah tetapi semua yang saya bertemu, semuanya hendak saya teruskan seboleh-bolehnya sehingga akhir hayat.

"Saya berpendapat kalau saya tak buat kenyataan secara terbuka, mungkin desakan-desakan itu tak dapat ditepis oleh saya. Sebab itu saya buat keputusan untuk buat kenyataan selepas mesyuarat agung (Perhimpunan Agung Umno)," katanya.

Apabila ditanya kenapa mahu meletakkan jawatan sedangkan kepemimpinannya masih diperlukan, Dr Mahathir berkata beliau sudah berkhidmat selama 21 tahun - satu jangka masa panjang bagi seorang Perdana Menteri.

Beliau pernah berhasrat meletakkan jawatan pada 1998 tetapi menangguhkannya disebabkan keadaan ketika itu termasuk kegawatan ekonomi.

"Saya telah berusaha sedaya upaya untuk memulih semula parti dan saya berpendapat parti sudah dipulih dan sokongan kepada parti sudah kuat semula, jadi saya tak lah lari daripada tanggungjawab saya.

"Kalau saya pergi terlalu awal pada waktu parti menghadapi masalah, lemah seperti keadaan pada tahun 1999, itu nampak seolah-olah saya lari daripada tanggungjawab saya, sebab itu saya tunggu sekejap.

"Jadi saya berharap saya dapat tinggalkan parti secara licin, tak ada masalah dan saya beri pengakuan bahawa saya akan turut bekerjasama dalam parti," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata perkara itu akan difikirkannya apabila tiba masa nanti.

Beliau berkata, tarikh Oktober 2003 dipilih untuknya meletak jawatan kerana mahu menunaikan komitmen Malaysia sebagai tuan rumah sidang puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ketika itu nanti.